



Kementerian Sumber  
Asli dan Alam Sekitar



PERHUTANAN

ماجوتن

Diterbitkan sejak 1932

# MAJUTAN

Edisi Januari - April 2016 Untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan [www.forestry.gov.my](http://www.forestry.gov.my)



LAWATAN KERJA RASMI  
YB MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE  
IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA



MAJLIS BACAAN IKRAR PERKHIDMATAN AWAM  
DAN IKRAR INTERGITI PERKHIDMATAN AWAM

PROGRAM PENGHIJAUAN CAMERON HIGHLANDS SIRI  
1/2016 DAN SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA  
PERINGKAT DAERAH CAMERON HIGHLANDS



PROGRAM MESRA ALAM SEKITAR SEMPENA ADVANCE  
LEADERSHIP MANAGEMENT  
PROGRAMME (ALMP)



SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT  
PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR UTARA, SEGAMAT

# SIDANG REDAKSI

## PENASIHAT

YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim  
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

## PENERUSI

YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud  
Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan  
(Dasar dan Perancangan)

## JAWATANKUASA MAJUTAN

### PENGARANG

Mohd Rahim bin Rani

### PENOLONG PENGARANG I

Othman bin Deris

### KONSEP DAN REKA BENTUK I

Suhana binti Bebakar

### PERCETAKAN DAN EDARAN I

Rajihan bin Rahim

### KETUA PENGARANG

Puan Shashiah binti Abdul Karim  
Pengarah Kanan Bahagian Perancangan dan  
Ekonomi Hutan

### PENOLONG PENGARANG II

Asiah binti Yaacob

### KONSEP DAN REKA BENTUK II

Ismail Ali bin Kamarudeen

### PERCETAKAN DAN EDARAN II

Kamal Kusyairi bin Abd Ghani

## WAKIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

### JOHOR

Nurazuhwah binti Omar

### KEDAH

Siti Sarah binti Shaharuddin

### KELANTAN

Nur Ain binti Mustapa

### MELAKA

Noor Syuhada binti Abdul Samad

### NEGERI SEMBILAN

Siti Norhayati binti Mastar

### PAHANG

Bahren Zuhaily bin Abdul Rahim

### PERAK

Nur' Ain binti Chek Mustafa

### PERLIS

Abdul Wahab bin Jamaluddin

### PULAU PINANG

Wan Mohd Yassim bin Wan Wahab

### SELANGOR

Nor Wahida binti Amran

### TERENGGANU

Mohd Hafni bin Ahmad Saraji

### WILAYAH PERSEKUTUAN KUALALUMPUR

Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadnai

## WAKIL BAHAGIAN DAN UNIT IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN

### PERANCANGAN DAN EKONOMI HUTAN

Suhaida binti Mohamed

### PENGURUSAN HUTAN

Kadri bin Shaari

### SILVIKULTUR DAN PEMELIHARAAN BIOLOGI HUTAN

Nor Hasliza binti Mohd Bokti

### LADANG HUTAN DAN PERLINDUNGAN HUTAN

Wan Ghazali bin Wan Ali

### HAL EHWAL ANTARABANGSA

Harry Yong

### PENGUATKUASAAN HUTAN

Muhamat Azman bin Yahya

### KEJURUTERAAN HUTAN

Mohd Nizam bin Awang

### LATIHAN PERHUTANAN

Muhammad Hafidz bin Abdullah

### PENGURUSAN MAKLUMAT

Noorazila binti Yatim

### TEKNIKAL DAN INDUSTRI KAYU

Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani

### KHIDMAT PENGURUSAN

Hamidi bin Abd. Halim

### FOREST ECO-PARK DAN HUTAN TAMAN NEGERI

Muhammad Firdaus bin Khadlan

### KOMUNIKASI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

Nor Hidayu binti Abd. Razak

### PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN

Mohd Zulhilmi bin Mohd Radzi

### SETIAUSAHA PUSPANITA

Nurul Huda binti Jamaluddin

### PENOLONG SETIAUSAHA PKSIP

Azhar bin Ahmad

### JURUFOTO

Hairul bin Abdul Hamid

## DARI MEJA PENGARANG

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Rasulullah S.A.W.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam 1Malaysia, Salam 1NRE dan Salam 1JPSM.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mananjatkan kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izinya sidang redaksi MAJUTAN telah berjaya menerbitkan Buletin MAJUTAN Edisi Januari hingga April 2016.

Saya bagi pihak sidang redaksi MAJUTAN ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua warga kerja JPSM yang telah mengambil bahagian menyediakan artikel dan laporan untuk penerbitan edisi kali ini untuk dikongsi dengan semua pembaca warga jabatan.

Di kesempatan ini juga saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada ahli Jawatankuasa sidang di atas dedikasi dan komitmen yang telah diberikan dalam merancang dan menjayakan penerbitan Majutan Edisi Januari-April 2016 ini.

Sekian, terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

LAWATAN KERJA RASMI YB MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	1
MAJLIS BACAAN IKRAR PERKHIDMATAN AWAM DAN IKRAR INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM	2
MAJLIS AMANAT KHAS TAHUN BARU 2016	2
SESI MENANDATANGANI AKU JANJI PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN OLEH PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI, PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN DAN KETUA-KETUA UNIT	3
LAWATAN PENGARAH PERHUTANAN NEGERI KELANTAN KE TAPAK PEMULIHARAAN RAFFLESIA	4
LAWATAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI PERLIS KE RIMBA HERBA PERLIS DAN D'FOREST KRAF	4
KAEDAH PENYIMPANAN WANG DENGAN LEBIH BERKESAN	5
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL.1/2016 DAN MEMPERBAHARUI IKRAR PERKHIDMATAN AWAM 2016	6
LAWATAN KREW RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM) UNTUK PENGGAMBARAN DI RIMBA HERBA NEGERI PERLIS	7
UJIAN KHAS TAHUN 2016	8
MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-2 PPNJ DAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KELAHIRAN KAKITANGAN BAGI BULAN JANUARI HINGGA MAC 2016	8
LATIHAN TEKNIKL PERHUTANAN	9
PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA TAMAN RIMBA WAWASAN IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA TAHUN 2016	10
SAMBUTAN HARI TANAH LEMBAP SEDUNIA 2016	11
KALORI: PENENTU BERAT ANDA? YEKEE?	12
LAWATAN KERJA KE JABATAN PERHUTANAN NEGERI SARAWAK	15
PROGRAM MESRA ALAM SEKITAR SEMPENA ADVANCE LEADERSHIP MANAGEMENT PROGRAMME (ALMP)	15
SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT POLICY TRAINING COURSE	16
KURSUS JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP)	17
PROGRAM HARI HUTAN ANTARABANGSA TAHUN 2016	17
PERINGKAT DAERAH KUANTAN/PEKAN/MARAN	
PROGRAM KARNIVAL GOTONG ROYONG SEMPENA HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN JOHOR 2016 PERINGKAT DAERAH BATU PAHAT DAN LET'S CLEAN GO GREEN PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR TENGAH KLUANG DI HUTAN LIPUR SOGA PERDANA BATU PAHAT	18
SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR UTARA, SEGAMAT	19
PROGRAM LAWATAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG (SUK) KE KAWASAN LESEN 2016 DAERAH KUANTAN/PEKAN/MARAN	20
PROGRAM PENGHIJAUAN CAMERON HIGHLANDS SIRI 1/2016 DAN SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT DAERAH CAMERON HIGHLANDS	21
PEMANTAUAN PETAK HUTAN MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN YANG TINGGI (HCVF) DI NEGERI SELANGOR	22
KURSUS LATIHAN PENGENDALIAN, PENGGUNAAN DAN PENYELENGGARAAN SENJATA API	24
LAWATAN KE KAWASAN PENEMUAN POKOK RESAK ABDULRAHMAN ( <i>Vatica abdulrahmaniana</i> ) SEMPENA MESYUARAT KUMPULAN PAKAR FLORA BIL. 1 TAHUN 2016	25
KURSUS PENGURUSAN ASET DAN STOR JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR	26
KURSUS DAN PENILAIAN DENDROLOGI BAGI PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G27 JPSM	27
PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA SAMBUTAN HARI JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) KE-70 PERINGKAT NEGERI SELANGOR	28
KURSUS MENYELAMAT DAN PERTOLONGAN CEMAS UNTUK ANGGOTA PASUKAN PENYELAMAT PERHUTANAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN	29
KENALKAH ANDA POKOK BIDARA	30
OP GANGGA – ESKAVASI PESAWAT DAKOTA DOUGLAS C-47B-1-DL MILIK UNITED STATES ARMY AIR FORCE (USAAF) DI HUTAN SIMPAN KEKAL BERUAS	31
EQUINOK, EL NINO DAN 9 TIPS DALAM MENGHADAPI MUSIM PANAS	33
ONTOLOGI BOTANI DALAM AL-QURAN	34

PIHAK JAWATANKUASA MAJUTAN MENGALU-ALUKAN SEBAB BENTUK CADANGAN/ ARTIKEL/ RENCANA/ KOMEN DARIPADA SELURUH WARGA PERHUTANAN SILA MAJUKAN KEPADA ALAMAT

Emel: asiah@forestry.gov.my / suhana.bebakar@forestry.gov.my



# LAWATAN KERJA RASMI YB MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA



KUALA LUMPUR, 29 Februari 2016

YB Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia mengadakan Lawatan Rasmi ke Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur. Turut hadir ialah YB Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri NRE. Lawatan ini merupakan lawatan rasmi pertama YB Menteri dan Timbalan Menteri ke JPSM selepas dilantik pada 29 Julai 2015 sebagai Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Kunjungan YB Menteri NRE telah disambut oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan semua Pengarah Bahagian/ Ketua Unit di Ibu Pejabat JPSM serta semua Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

YB Menteri dan YB Timbalan Menteri diberi taklimat mengenai tanggungjawab Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengurus, membangun dan mentadbir kawasan Hutan Simpanan Kekal seluas 4.93 juta hektar di Semenanjung Malaysia. Taklimat juga memberikan perhatian kepada Program / Projek Pembangunan RMK – 11 dan pencapaian Program/ Projek Pembangunan untuk RMKe-10 yang dilaksanakan oleh JPSM.



Dalam lawatan rasmi ini, YB Menteri dan Timbalan Menteri juga melihat Demonstrasi penggunaan UAV JPSM yang menjadi sebahagian teknologi JPSM dalam mengukuhkan aktiviti penguatkuasaan perhutanan. YB Menteri dan Timbalan Menteri juga berkesempatan melawat Galeri Perhutanan dan menanam pokok di Perkarangan Dewan Damar Minyak, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

# MAJLIS BACAAN IKRAR PERKHIDMATAN AWAM DAN IKRAR INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM



Pegawai dan Kakitangan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia melafazkan Ikrar Perkhidmatan Awam dan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam tahun 2016

KUALA LUMPUR, 13 Januari 2016

Majlis Ikrar Perkhidmatan Awam dan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam merupakan salah satu aktiviti tahunan yang diadakan dalam Majlis Perhimpunan Bulanan IPJPSM. Bacaan Ikrar Perkhidmatan Awam dan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam tersebut dipimpin oleh Encik Mohd Aizat bin Arrippin daripada Bahagian Pengurusan Hutan serta diiringi oleh pegawai/kakitangan pelbagai skim perjawatan yang terdapat di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.



Bacaan Ikrar Perkhidmatan Awam dan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam dipimpin oleh Encik Mohd Aizat bin Arrippin

Disediakan oleh: Mohd Azuwadi bin Hassan  
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

# MAJLIS AMANAT KHAS TAHUN BARU 2016

KOTA BHARU, 4 Januari 2016

Majlis Amanat Khas Tahun Baru dan Perhimpunan Penjawat Awam Negeri Kelantan telah diadakan di Dewan Jamuan Utama Kompleks Kota Darul Naim. Program tersebut telah dirasmikan oleh YAB Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Negeri Kelantan. Program ini diadakan setiap awal tahun bagi menyampaikan taklimat dan amanat kepada penjawat awam supaya senantiasa komited serta meningkatkan mutu kerja masing-masing. Dalam Program tersebut turut berlangsung pencapaian hadiah dan sijil penghargaan kepada Jabatan yang mencapai target dan mutu kerja yang baik pada tahun 2015.



# SESI MENANDATANGANI AKU JANJI PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN BAGI TAHUN 2016

KUALA LUMPUR, 13 Januari 2016

Sesi Menandatangani Aku Janji oleh Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Ketua-Ketua Unit diadakan semasa Majlis Perhimpunan Bulanan IPPSM pada 13 Januari 2016. Aku Janji yang ditandatangani ini merupakan manifestasi Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Ketua-Ketua Unit dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab dalam bidang pentadbiran, pengurusan serta pelaksanaan dan pemantauan projek-projek pembangunan hutan bagi tahun 2016 secara efektif, amanah dan menepati peraturan-peraturan Kerajaan yang berkuatkuasa ke arah mencapai matlamat Pengurusan Hutan Secara Berkekalan.



Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri, Pengarah-pengarah Bahagian & Ketua-ketua Unit menandatangani Surat Aku Janji Pengurusan Hutan secara berkekalan bagi tahun 2016

## LAWATAN PENGARAH PERHUTANAN NEGERI KELANTAN KE TAPAK PEMULIHARAAN RAFFLESIA

GUA MUSANG, 14 Januari 2016

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah mengadakan lawatan ke Hutan Simpan Lojing yang diketuai oleh Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan, YBrs.Tuan Hj. Zahari bin Ibrahim. Objektif utama lawatan adalah bagi meninjau dan melihat habitat pemuliharaan Rafflesia serta mengenalpasti kesesuaian kawasan tersebut untuk dijadikan salah sebuah pusat pelancongan baru di negeri ini. Sebelum tinjauan dilakukan, sesi taklimat mengenai Bunga Rafflesia dan spesies-spesies lain yang terdapat di kawasan tersebut telah disampaikan oleh Pen. Pegawai Unit Perancangan & Pengurusan Hutan kepada Pengarah dan kakitangan yang hadir. Dengan adanya lawatan tersebut, diharap terdapat lebih banyak keistimewaan negeri ini dapat diperkenalkan dan menjadi salah satu pusat pelancongan di negeri ini.

Disediakan oleh : Basirun bin Bakar  
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

## LAWATAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI PERLIS KE RIMBA HERBA PERLIS DAN D'FOREST KRAF

KANGAR, 21 Januari 2016

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis menerima kunjungan pelawat yang terdiri daripada Pegawai Kewangan Negeri Perlis. Agenda lawatan dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Encik Nor Azirim bin Ahmad, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis dan seterusnya pelawat dibawa melawat ke sekitar Rimba Herba dan D'Forest Kraf Perlis.



# KAEDAH PENYIMPANAN

WANG DENGAN LEBIH

## BERKESAN TANPA RASA TERBEBAN

### KELEBIHAN SIMPANAN

1. MODAL MEMULAKAN PERNIAGAAN KECIL-KECILAN
2. SIMPANAN HARI TUA
3. UNTUK KECEMASAN

1. Buat satu kalendar untuk sebulan. Contoh 30 hari.
2. Sediakan satu tabung dan namakan tabung tersebut.
3. Setiap hari bermula 1hb, masukkan duit ke dalam tabung itu mengikut tarikh; contohnya
  - A. 1hb = masukkan rm1.00
  - B. 2hb = masukkan rm2.00
4. Jika 15 hbln, masukkan RM15.00 ke dalam tabung, hingga hujung bulan.
5. Akhir bulan kira duit itu.  
$$1+2+3+4+5+6+7+8+9+10+11+12+13+14+15+16+17+18+19+20+21+22+23+24+25+26+27+28+29+30 = \text{RM}465.00$$
6. Jumlah simpanan RM465.00, dan sambung untuk bulan berikutnya menggunakan kaedah yang sama.
7. Jika sehingga setahun RM465.00  $\times 12 = \text{RM}5,580.00$



Bil	Bulan	Jumlah (RM)	Jumlah Besar (RM)
1	1 Jan	1.00	1.00
2	2 Jan	2.00	3.00
3	3 Jan	3.00	6.00
4	4 Jan	4.00	10.00
5	5 Jan	5.00	15.00
6	6 Jan	6.00	21.00
7	7 Jan	7.00	28.00
8	8 Jan	8.00	36.00
9	9 Jan	9.00	45.00
10	10 Jan	10.00	55.00
11	11 Jan	11.00	66.00
12	12 Jan	12.00	78.00
13	13 Jan	13.00	91.00
14	14 Jan	14.00	105.00
15	15 Jan	15.00	120.00
16	16 Jan	16.00	136.00
17	17 Jan	17.00	153.00
18	18 Jan	18.00	171.00
19	19 Jan	19.00	190.00
20	20 Jan	20.00	210.00
21	21 Jan	21.00	231.00
22	22 Jan	22.00	253.00
23	23 Jan	23.00	276.00
24	24 Jan	24.00	300.00
25	25 Jan	25.00	325.00
26	26 Jan	26.00	351.00
27	27 Jan	27.00	378.00
28	28 Jan	28.00	406.00
29	29 Jan	29.00	435.00
30	30 Jan	30.00	465.00

Bil	Tahun	Jumlah (RM)	Jumlah Besar (RM)
1	2016	465 x 12 bulan	5,580.00
2	2017	465 x 12 bulan	5,580.00
3	2018	465 x 12 bulan	5,580.00
<b>JUMLAH</b>			<b>16,740.00</b>

## MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL.1/2016 DAN MEMPERBAHARUI IKRAR PERKHIDMATAN AWAM 2016



Ikrar Perkhidmatan Awam yang diketuai oleh  
Encik Azamuddin bin Kassan



Pengarah Perhutanan Negeri Johor bersama Pegawai-pegawai Kanan dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor semasa berlangsungnya Majlis Memperbaharui Ikrar Perkhidmatan Awam 2016



Sesi memperbaharui Ikrar Perkhidmatan Awam oleh  
Ketua Unit/Bahagian



Pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor bergambar kenangan bersama Pengarah Perhutanan Negeri

### JOHOR BAHRU, 25 Januari 2016

Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan Bil. 1/2016 dan Memperbaharui Ikrar Perkhidmatan Awam 2016 di Dewan Muzakarah, Aras 7, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor pada 25 Januari 2016. Seramai 200 orang pegawai serta kakitangan dari Ibu Pejabat dan Pejabat Hutan Daerah menghadiri majlis yang diadakan ini. Majlis dimulakan dengan sesi bacaan Ikrar Perkhidmatan Awam yang diketuai oleh Encik Azamuddin bin Kassan. Seterusnya, Ketua Unit / Bahagian dijemput untuk menandatangani sijil memperbaharui Ikrar Perkhidmatan Awam 2016.

Majlis ini juga turut meraikan persaraan 2 orang kakitangan jabatan iaitu Encik Mohd Zakaria bin Daud dan Encik Jamaluddin bin Yahya.

Di samping itu, program motivasi juga diadakan dengan ceramah motivasi disampaikan oleh Pegawai Psikologi dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor juga telah menyerahkan kunci kenderaan baru jabatan sebanyak 4 buah kepada wakil Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan, Johor Utara, Johor Timur dan Johor Tengah.

## LAWATAN KREW RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM) UNTUK PENGGAMBARAN DI RIMBA HERBA NEGERI PERLIS



### KANGAR, 29 Januari 2016

Satu lawatan telah diadakan oleh pegawai dan kakitangan RTM Kuala Lumpur serta Pengarah Jabatan Pelancongan Negeri Perlis ke Rimba Herba Negeri Perlis pada 29 Januari 2016 yang lalu. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat lokasi bagi mengadakan satu penggambaran siaran pihak RTM di Rimba Herba ini. Peserta rombongan telah diberi taklimat ringkas oleh Encik Abd Wahab bin Jamaluddin, Penolong Pengarah Perhutanan Negeri Perlis dan seterusnya peserta rombongan dibawa melawat di sekitar kawasan Rimba Herba tersebut.



## UJIAN KHAS TAHUN 2016

KEPONG, 4 Februari 2016

Ujian Khas Penolong Pemelihara Hutan / Renjer Hutan Gred G27 dan Pengawas Hutan Gred G17 Tahun 2016 telah diadakan dalam dua (2) siri. Siri satu (1) diadakan pada 4 Februari 2016 bertempat di Dewan Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan Kepong. Manakala siri kedua (2) diadakan bermula 10 Mac 2016 hingga 16 Mac 2016 bertempat di Pejabat Perhutanan Negeri Selangor, Kedah dan Kelantan. Ujian ini bertujuan untuk menilai kompetensi pegawai dalam pengecaman spesimen herbarium dan pengecaman spesimen isi kayu.



Calon sedang menjawab ujian pengecaman spesimen Herbarium (gambar kiri) dan Isi Kayu (gambar kanan)



Suasana ujian di Dewan Alwy, BLP Kepong

Disediakan oleh: Siti Hawa binti Parmen  
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

## MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-2 PENGARAH PERHUTANAN NEGERI JOHOR DAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KELAHIRAN KAKITANGAN BAGI BULAN JANUARI HINGGA MAC 2016

ISKANDAR PUTERI, 14 Februari 2016



Ucapan alu-aluan Encik Mohd Ridza bin Awang, Pengarah Perhutanan Negeri Johor

Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah meraikan ulang tahun sempena dua (2) tahun perkhidmatan Encik Mohd Ridza bin Awang sebagai Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Majlis yang diadakan di Ibu Pejabat Perhutanan Negeri Johor, Nusajaya ini turut dihadiri oleh Pegawai Kanan dan warga kerja jabatan. Seramai 19 orang kakitangan jabatan yang lahir pada bulan Januari hingga Mac 2016 turut sama diraikan dan majlis jamuan serta pemberian hadiah sebagai tanda kenangan.



Penyampaian cenderahati daripada Pegawai Hutan Daerah Johor Tengah kepada Pengarah Perhutanan Negeri Johor



Penyampaian hadiah hari lahir kepada kakitangan JPNJ



Upacara memotong kek dan pulut kuning

# LATIHAN TEKNIKAL PERHUTANAN

BERUAS, 22 Februari 2016


Latihan Teknikal Perhutanan (LTP) merupakan salah satu mata pelajaran dalam Kurikulum Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan dan Pengawas Hutan Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) yang wajib diikuti oleh setiap pelatih dan merupakan syarat untuk dianugerahkan sijil perhutanan. Antara objektif LTP adalah untuk membolehkan pelatih mengaplikasikan ilmu-ilmu teori yang diajar di kelas melalui kerja amali di lapangan selain memberi pendedahan, pengalaman dan kecekapan bekerja di lapangan, serta memahami kesulitan atau masalah yang dihadapi semasa bekerja di hutan. Selain itu, LTP juga dilaksanakan untuk membentuk disiplin dan keyakinan diri, memupuk semangat bekerjasama dalam kumpulan serta memupuk gaya memimpin sesebuah pasukan kerja.

Pada tahun ini, LTP telah diadakan di Hutan Lipur Ulu Licin, Beruas, Perak bermula pada 22 Februari hingga 8 April 2016. Seramai 100 orang pelatih kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan dan Pengawas Hutan terlibat dalam latihan ini. Selain itu seramai 10 orang pegawai dari Jabatan Perhutanan Negeri Perak turut serta dalam setiap aktiviti yang dijalankan sebagai fasilitator dan juga berkursus.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang LTP ini adalah aktiviti di lapangan seperti menanda dan membersih Sempadan Kawasan Kerja (lesen membalak), menjalankan Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F) dan Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F), penandaan pokok secara "Timber Tagging", serta menjalankan tugas-tugas di Balai Pemeriksaan Hutan (pengukuran kayu balak, cara mencatat maklumat dalam Pas Memindah, menyediakan ringkasan Pas Memindah). Selain itu, pelatih-pelatih juga didedahkan kepada penguatkuasaan syarat-syarat Lesen Membalak dan menyediakan Laporan Penutup (CR), penguatkuasaan syarat-syarat Lesen Industri Berasaskan Kayu serta aktiviti Ladang Hutan seperti menanam anak pokok, membersih, merawat dan penjarangan.

Selain daripada pembelajaran dan latihan lapangan, para pelatih tidak ketinggalan melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan kemasyarakatan. Aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan di sekitar kawasan berhampiran di bawah pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Kinta Manjung.

Majlis perasmian penutup LTP 2016 telah diadakan pada 6 April 2016 yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Lebih menarik apabila Dato' Sri Dr. KPPSM juga turut bermalam di khemah. Majlis ini juga disertai oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan) dan Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan. Keesokan paginya Dato' Sri Dr. KPPSM bersarapan pagi bersama-sama pelatih dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak sebelum berangkat pulang, YBhg. Dato' juga mananam anak pokok Kenanga sebagai kenang-kenangan di Hutan Lipur Ulu Licin.



Lawatan Penguatkuasaan Syarat-syarat Lesen Membalak dan menyediakan Laporan Penutup (CR) di kawasan Pengusahaan di Daerah Kinta-Manjung



Aktiviti mengutip anak liar untuk penanaman semula di kawasan perkhemanan



Pelatih menjalani latihan amali di lapangan



Persahabatan bola sepak dengan masyarakat setempat

# PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA TAMAN RIMBA WAWASAN IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA TAHUN 2016



Acara kemuncak iaitu Penanaman Pokok Resak Rahman (*Vatica abdulrahmaniana*) yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.



Acara penanaman pokok Kelat paya di Zon 2, Taman Rimba Wawasan yang disempurnakan oleh Pengarah-Pengarah Bahagian dan Ketua-Ketua Unit di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.



Kerja gotong-royong pegawai/kakitangan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

KUALA LUMPUR, 25 Februari 2016

Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan telah menganjurkan Majlis Perasmian Program Gotong-Royong Perdana Taman Rimba Wawasan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) Tahun 2016 di Dewan Damar Minyak, IPJPSM. Majlis ini yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia merupakan satu program tahunan di IPJPSM. Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada warga perhutanan IPJPSM mengenai aspek-aspek penting kebersihan persekitaran IPJPSM. Program ini juga merupakan satu usaha untuk terus mengekalkan dan meningkatkan lagi tahap kebersihan dan keceriaan kawasan persekitaran IPJPSM di samping sebagai salah satu langkah persediaan bagi menghadapi audit Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).

Program gotong-royong ini telah dijalankan di Taman Rimba Wawasan, IPJPSM yang telah dibahagikan kepada 5 zon yang telah diamanahkan kepada Bahagian-bahagian dan Unit-unit di IPJPSM. Setiap Bahagian dan Unit bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan, kekemasan dan melaksanakan penyelenggaraan di zon masing-masing sepanjang tahun.

Pada program gotong-royong perdana kali ini telah diadakan aktiviti penanaman pokok Kelat paya di Zon 2, Taman Rimba Wawasan. Aktiviti ini telah berjaya menanam sebanyak 400 anak pokok Kelat paya yang disempurnakan oleh semua Pengarah Bahagian dan Ketua Unit di IPJPSM. Selain itu, majlis penanaman pokok Resak Rahman (*Vatica abdulrahmaniana*) juga telah diadakan di Zon 4, Taman Rimba Wawasan, IPJPSM dan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Aktiviti penanaman pokok tersebut merupakan aktiviti kemuncak bagi Program Gotong-Royong Perdana Taman Rimba Wawasan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Tahun 2016.

## SAMBUTAN HARI TANAH LEMBAP SEDUNIA 2016



Ucapan Perasmian oleh YBrs. Dr. Mohd Puat bin Dahalan, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor



Melepaskan anak ikan daripada pelbagai spesies paya gambut sebagai acara gimik perasmian

BESTARI JAYA, 28 Februari 2016

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) dengan kerjasama *Global Environment Centre* (GEC) telah berjaya melaksanakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia 2016 bertempat di Kompartmen 100 (Parit 6), Hutan Simpan Raja Musa, Bestari Jaya. Tema sambutan pada tahun ini adalah “*Wetlands for Our Future: Sustainable Livelihoods*”.

Majlis ini dirasmikan oleh YBrs. Dr. Mohd Puat bin Dahalan, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor. Sebagai acara gimik perasmian, anak ikan daripada pelbagai spesies paya gambut telah dilepaskan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Selangor bersama-sama dengan Encik Faizal Parish selaku Pengarah GEC. Tetamu jemputan yang hadir juga turut berkesempatan menanam anak pokok dan melawat booth pameran yang disertai oleh pelbagai agensi seperti JPNS, BOMBA, Majlis Daerah Kuala Selangor, PERHILITAN, Rakan Alam Sekitar, GEC dan Sahabat Hutan Gambut Selangor Utara.

Seramai lebih daripada 300 orang peserta terdiri daripada para pelajar sekolah, kolej, agensi-agensi kerajaan dan swasta, NGO serta komuniti hadir untuk bersama-sama memeriahkan majlis sambutan disamping berpeluang menanam sebanyak 1,200 anak pokok daripada spesies Ramin melawis (*Gonystylus bancanus*) dan Tenggek burung (*Eoudia redleyi*).



Pengarah Perhutanan Negeri Selangor menanam anak pokok



Tetamu jemputan melawat booth pameran



Sebahagian peserta sedang menanam anak pokok


Pada artikel yang lalu penulis telah bercerita serba sedikit mengenai kalori dan mengapa setiap individu mempunyai had pengambilan kalori yang berbeza setiap hari. Jadi anda semua sudah faham tentang cara-cara pengiraan BMR (*Basal Metabolic Rate*) dan DCR (*Daily Calorie Requirement*) ?

Buat mereka yang sudah berjaya mengira BMR dan DCR, penulis ucapkan tahniah dan bolehlah kita untuk masuk ke bab yang seterusnya.

### Mengapa berat badan kita naik dan turun?

Mereka yang sentiasa mengambil makanan mengikut jumlah DCR yang ditetapkan tidak akan mengalami naik atau turunnya berat badan. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka mengambil makanan MELEBIHI had DCR yang ditetapkan, maka kalori yang terlebih itu akan disimpan sebagai lemak, lalu mengakibatkan NAIK nya berat badan. Sama juga, sekiranya mereka makan KURANG daripada had DCR yang ditetapkan, maka kalori yang tidak mencukupi itu akan diambil dari lemak (atau otot), supaya persamaan itu dapat diseimbangkan, lalu mengakibatkan TURUN nya berat badan.

Untuk memudahkan pemahaman, penulis mengambil satu contoh. Anggaplah DCR itu ialah jumlah perbelanjaan anda dalam sebulan (bil telefon, sewa rumah, internet, bil elektrik) dan anda adalah seorang peniaga kedai runcit (pendapatan tak tetap, bergantung pada jualan). Sekiranya pendapatan anda pada bulan tersebut bagus, anda akan mendapat untung (duit lebih), melebihi daripada perbelanjaan bulanan, maka anda boleh SIMPAN duit yang lebih itu dalam bank (naik berat badan). Andai kata pada bulan-bulan berikutnya perniagaan anda mula mengalami kerugian, pendapatan kurang daripada perbelanjaan, maka korang terpaksa KELUAR kan balik duit yang anda simpan dahulu di bank, semata-mata untuk menampung perbelanjaan anda pada bulan tu, dan secara tak langsung duit dalam bank juga menyusut (turun berat badan).



# KALORI: PENENTU BERAT ANDA? IYA KE?

### Berapa banyakakah kenaikan dan penurunan itu?

Sebagai maklumat yang paling asas ( $1\text{kg} = 7,700 \text{ kcal}$ ). Jadi untuk NAIK  $\frac{1}{2}$  kilogram (500g), anda perlu makan  $3,850 \text{ kcal}$  LEBIH dari DCR sepatutnya, manakala untuk TURUN  $\frac{1}{2}$  kg, kena makan  $3,850 \text{ kcal}$  KURANG dari DCR sepatutnya.  $3,850 \text{ kcal}$ ? Nampak tak sangat banyak kan? Tak bermaksud anda kena naik atau turun  $\frac{1}{2}$  kg berat badan dalam masa sehari, kerana itu sangat MERBAHAYA untuk kesihatan. Sekiranya anda makan juga  $3,850 \text{ kcal}$  melebihi DCR, maka 99% daripada kenaikan berat badan itu adalah terdiri daripada lemak. Untuk makan  $3,850 \text{ kcal}$  kurang daripada DCR juga adalah agak mustahil kerana nilai DCR kita secara purata adalah di antara  $1,500 \text{ kcal} - 2,500 \text{ kcal}$ . Jadi, apa strategi yang kita perlu buat?

## STRATEGI YANG SIHAT: BERSEDERHANALAH KAMU

Nasihat penulis, jangan tergopoh-gapah seolah-olah esok berlakunya kiamat. Setiap perkara di dunia ini harus dilakukan secara perlahan-lahan dan konsisten untuk memastikan keputusan yang stabil dan berpanjangan. Sebagai contoh syarikat yang stabil ialah syarikat yang ‘naik’ secara perlahan tetapi konsisten dan ada kemajuan. Pulangan keuntungan juga bukannya hadir dalam sehari dua, tetapi memakan masa sehingga bertahun-tahun lamanya. Hendak menuntut ilmu juga bukannya boleh dihabiskan dalam satu dua hari. Malah untuk mendapatkan segulung ijazah pun memakan masa selama 4 tahun kan?

Penulis mahu anda berfikir yang NAIK berat badan dan TURUN berat badan ni dari perspektif yang sama dan penulis mahu anda tanya diri anda sendiri satu soalan mudah, terutama buat mereka yang selalu sangat berfikir untuk mendapatkan keputusan yang SEGERA, PANTAS...

AKU NAK  
KURUS!!

Penulis pasti anda akan bersetuju, ia akan memakan masa berbulan-bulan, bahkan mungkin bertahun-tahun lamanya. Cuba fikir balik, anda naik berat badan sebanyak 10kg dalam masa 2 tahun, tapi nak turun 20kg dalam masa 1 bulan. Wah, wah, wah.. Realistik sungguh sasaran tu. Logik ke?

Logik memang logik, dengan syarat anda bermati-matian menahan kelaparan (mencapai defisit kalori setinggi yang mungkin), kemudian dengan sakit gastriknya, dan lebih ekstrem, melakukan rawatan *liposuction* (sedut lemak) dan minum berbagai-bagai jenis teh pelangsing dan pil-pil kimia yang kita belum tahu kesan jangka masa panjangnya. Malah, semua itu hanya membazirkan wang ringgit.

Sesetengah produk pelangsingan badan (tidak perlu dinyatakan disini) turut mengesyorkan pengguna untuk mengamalkan diet yang seimbang beserta senaman yang berterusan untuk mendapatkan hasil yang terbaik. Tetapi kalau dah suruh bersenam segala, baik tak payah jual produk.

Bagi penulis, syarikat-syarikat sebegini sengaja untuk mengaut ‘untung atas angin’ dengan mengambil kesempatan ke atas pengguna yang majoritinya putus asa dengan usaha mereka untuk turun berat badan sebelum ini. Penulis berharap anda fikirlah masak-masak, kerana penulis memberi nasihat ini berdasarkan pengalaman, bukan omong kosong semata-mata.

Aku ni jadi  
gemuk sejak  
bila? Adakah  
sejak semalam?  
Minggu lepas?”

Harian Metro

Setempat

Khamis, 7 Julai 2012

27

## Produk langsing beracun

Minuman berasaskan buah-buahan berikan buruk kepada saraf otak sehingga boleh menyebabkan gila

—Blok Aku Ni Husaini

**P**ERHADILUAN Amat kerap produk pelangsingan popular berikan buruk kepada saraf otak sehingga boleh menyebabkan gila. Terdapat di Petaling Jaya, di sini kerap ada orang yang tidak berkenan berikutan campuran buah-buahan rasa lembut yang dibuat oleh ahli produk pelangsingan. Dalam sekian, seorang lelaki berusia 50 tahun yang berada di sebuah kedai buah-buahan yang terkenal berada di Petaling Jaya yang tidak berkenan berikutan campuran buah-buahan rasa lembut yang dibuat oleh ahli produk pelangsingan.



Malah (EKG) yang membuat seorang ahli produk pelangsingan berikan buruk kepada saraf otak sehingga boleh menyebabkan gila. Penyakit ini merupakan penyakit yang berbahaya dan berbahaya.

“Sebagaimana, sejauh ini dilaksanakan oleh ahli produk pelangsingan, ia berikan buruk kepada saraf otak sehingga boleh menyebabkan gila. Penyakit ini merupakan penyakit yang berbahaya dan berbahaya.

Berbalik pada soal tadi, bagaimana nak merencanakan strategi untuk naik/turun berat badan dengan cara yang betul dan sihat? Tentang 7,700 kcal tadi macam mana? Ikuti sambungan kelas kalori yang seterusnya pada siri yang akan datang. Penulis akan mengupas lebih lanjut bagaimana caranya untuk ‘menguruskan’ pengambilan kalori korang, sama ada untuk turun mahupun naik berat badan; TIADA YANG MUSTAHIL! Tunggu..

PERHADILUAN

—Zulazfar Husaini



Bersama ini penulis sertakan bersama 5 tip untuk mengawal nafsu makan sebagai langkah permulaan...

**1**

**Makan setiap 3 – 4 jam**

Ini adalah cara terbaik untuk kawal nafsu. Mengapa? Kerana dengan kekerapan anda makan setiap 3 -4 jam, anda tidak memberi ruang untuk berasa lapar.

**3**

**Air... Sepanjang Hari**

Air kosong boleh mengurangkan keinginan terhadap makanan dan minuman bergula. Malah, air kosong tidak mengandungi gula dan tidak akan membuatkan berat badan anda bertambah.

**5**

**Buah - buahan**

Berbanding gula biasa, gula buah-buahan diproses secara berbeza. Serat buah juga memperlakukannya penyerapan gula ini.

**2**

**Jangan Bawa Balik**

Jika anda gemari coklat atau makanan manis, cuba jangan bawanya pulang ke rumah. Anda mungkin akan tertewas dengan keinginan anda.

**4**

## LAWATAN KERJA KE JABATAN PERHUTANAN NEGERI SARAWAK



KUCHING, 4 Mac 2016

Satu perjumpaan telah berlangsung antara Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dengan Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak. Turut hadir Timbalan Pengarah Operasi diiringi oleh Timbalan Pengarah Pentadbiran dan Kewangan serta beberapa pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk bertukar-tukar pendapat dan pandangan serta berkongsi kaedah pengurusan hutan. Program tersebut dipengerusikan oleh Penolong Pengarah (Hasil dan Ekonomi) – Tuan Hj Mohamed Kasim bin Wasli dari Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak. Diakhiri majlis diadakan sesi soal jawab dan perbincangan dengan pegawai Jabatan Perhutanan Sarawak bagi mengetahui dengan lebih lanjut beberapa perkara yang berkaitan untuk perkongsian. Program yang dianjurkan ini telah berjalan dengan sempurna.

## PROGRAM MESRA ALAM SEKITAR SEMPENA ADVANCE LEADERSHIP MANAGEMENT PROGRAMME (ALMP)

PELABUHAN KLANG, 5 Mac 2016

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bersama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah berjaya mengadakan Program Mesra Alam Sekitar Sempena Advance Leadership Management Programme (ALMP) Series 49 No. 1/2016 bertempat di Jeti Jabatan Laut Wilayah Tengah Pelabuhan Klang. Slot ini merupakan salah satu program yang terdapat di dalam jadual kursus yang dihadiri oleh Pegawai-pegawai Atasan daripada Kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) yang sedang menghadiri Kursus Advanced Leadership Management Programme Series 49 No. 1/2016 di INTAN, Bukit Kiara. Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, YBrs. Dr. Mohd Puat bin Dahalan telah meluangkan masa hadir ke program ini dan seterusnya merasmikan program tersebut.

Program ini juga turut mendapat kerjasama daripada agensi kerajaan lain seperti Pejabat Tanah/Daerah

Klang, Jabatan Laut Wilayah Tengah, Pelabuhan Klang, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Daerah Maritim 4, Pejabat Kesihatan Daerah Klang dan Polis Gerakan Marin, Pelabuhan Klang.

Sebanyak 1,000 anak pokok spesies Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*) telah berjaya ditanam di Beting Labu Lemak, Kompartmen 29, Hutan Simpan Pulau Klang. Selain daripada aktiviti tanaman pokok, para peserta juga turut berkesempatan untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan yang diadakan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Klang di perkarangan Jeti Jabatan Laut Wilayah Tengah Pelabuhan Klang.

Secara keseluruhannya, program ini berjalan dengan lancar dan semua peserta menunjukkan komitmen yang tinggi serta ceria di sepanjang program ini berlangsung. Di samping itu, peserta juga berkesempatan menaiki kapal milik Jabatan Laut Wilayah Tengah Pelabuhan Klang.



Sesi bergambar peserta program sebagai kenangan



Pengarah Perhutanan Negeri Selangor menyampaikan ucapan alu-aluan

## **SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT POLICY TRAINING COURSE**



Peserta kursus bergambar di Balai Besar Penelitian Bioteknologi dan Pemulih Tanaman Hutan (BIOTIFOR), yang terletak di Yogyakarta, Indonesia

**YOGYAKARTA, 14 Mac 2016**



Peserta kursus semasa lawatan kerja luar ke Ladang Jati di Yogyakarta, Indonesia



Kiri : Encik Aldrich Richard menyampaikan taklimat dan perkongsian pengalaman kepada semua peserta kursus.

Kanan : Wakil JPSM, Encik Aldrich Ricard dan Encik Ismail Ali bin Kamarudeen

Landmark Program di bawah ASEAN-Korea Forest Cooperation (AFoCO) dengan kerjasama Perhutani Indonesia menjalankan kursus selama seminggu di lapangan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam mengamalkan pengurusan hutan secara berkekalan di peringkat hutan negeri yang akan membolehkan pengurus kawasan di negara-negara Asia Timur untuk datang dengan strategi baru untuk amalan terbaik pengurusan hutan secara berkekalan. Kursus tersebut telah diadakan selama lima (5) hari dari 14 Mac hingga 18 Mac 2016. Encik Aldrich Ricard, Penolong Pengarah Kanan (Sistem Pengurusan Hutan Darat) dan Encik Ismail Ali bin Kamarudeen, Penolong Pegawai Pensijilan Hutan I telah terpilih untuk mewakili JPSM.

Antara input utama di dalam kursus tersebut ialah pendedahan tentang cara pengurusan hutan di negara-negara Asean serta perkongsian pengalaman di kalangan negara-negara Asean. Di samping itu, beberapa lawatan kerja luar juga telah dijalankan kepada semua peserta kursus. Hasil dari kursus tersebut, peserta dapat memahami prinsip-prinsip pengurusan hutan secara berkekalan hasil dari perkongsian pengalaman di kalangan negara-negara anggota ASEAN tentang bagaimana untuk membangunkan dasar untuk menguruskan sumber-sumber hutan.

## KURSUS JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP)

BANDAR BARU BANGI, 15 Mac 2016

Bahagian Teknikal dan Industri Kayu telah menganjurkan Kursus Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Sesi 2016/2017, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pada 15 hingga 16 Mac 2016 bertempat di Bilik Baiduri, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Bandar Baru Bangi, Selangor.

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk melatih Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), IPJPSM 2016/2017 yang baru dilantik pada 26 Januari 2016. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi memenuhi keperluan perundungan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 dalam Peruntukan Seksyen 30 serta bagi mematuhi Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996.

Fasilitator untuk bengkel ini adalah pihak *National Institute of Occupational Safety and Health* (NIOSH) diwakili oleh Tn. Hj. Samuri bin Mohd Mussim. Sejumlah 23 orang peserta terlibat terdiri daripada pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat Jabatan

Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM).

Secara keseluruhannya, tujuan kursus ini diadakan bertujuan untuk melatih pegawai dan kakitangan IPJPSM yang telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), IPJPSM Sesi 2016/2017 supaya mengetahui tugas dan tanggungjawab ahli jawatankuasa mengikut peruntukan undang-undang.



KUANTAN, 19 Mac 2016

Program Sambutan Hari Hutan Antarabangsa peringkat Daerah Kuantan/Pekan/Maran di Kompartmen 363, Hutan Simpan Berkelah dianjurkan oleh Pejabat Hutan Daerah Kuantan/Pekan/Maran. Program penanaman 1,000 anak pokok hutan berkualiti daripada spesies Meranti Tembaga, Meranti Temak Nipis dan Keladan. Seramai 150 orang menyertai program ini yang terdiri daripada 60 pelajar dan Pensyarah Kolej Matrikulasi Kuantan yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Encik Hassanuddin bin Yahya, 30 pelajar Kolej Pasifik Kuantan yang diketuai oleh Pn. Liza binti Yazid dan kakitangan Pejabat Hutan Daerah. Program dirasmikan oleh Tuan Timbalan Pengarah Perhutanan Pahang, Encik Samsu Anuar bin Nawi. Objektif program adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat awam tentang kepentingan dan fungsi hutan kepada manusia dan alam sekitar serta memupuk sifat cintakan alam semulajadi dan menyokong kempen 1 rakyat 1 pokok.

## PROGRAM HARI HUTAN ANTARABANGSA TAHUN 2016 PERINGKAT DAERAH KUANTAN/ PEKAN/ MARAN



Peserta diberi penerangan mengikut kumpulan



# PROGRAM KARNIVAL GOTONG ROYONG SEMPENA HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN JOHOR 2016 PERINGKAT DAERAH BATU PAHAT DAN *LET'S CLEAN GO GREEN* PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR TENGAH KLUANG DI HUTAN LIPUR SOGA PERDANA BATU PAHAT



Program gotong royong dan *Let's Clean Go Green* di Hutan Lipur Soga Perdana



Semua peserta bergambar bersama Pegawai Daerah



Ketibaan Tuan Pegawai Daerah Batu Pahat



Tuan Pegawai Daerah Batu Pahat bergambar bersama Pegawai Hutan Daerah Johor Tengah, Kluang di tingkat atas menara pandang Hutan Lipur Soga Perdana

## BATU PAHAT, 20 Mac 2016

Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah, Kluang telah menjadi tuan rumah bagi Karnival Gotong Royong Sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor 2016 dan Program *Let's Clean Go Green* Tahun 2016 Peringkat Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah, Kluang pada 20 Mac 2016 bertempat di Hutan Lipur Soga Perdana, Batu Pahat. Program yang diadakan secara tahunan ini adalah bertujuan untuk memupuk semangat dan memberi kesedaran supaya memelihara khazanah dunia yang bernilai tinggi khususnya kehijauan hutan untuk bertahan pada masa hadapan.

Program ini melibatkan 150 orang peserta dari Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah, Pejabat Daerah Batu Pahat, Pentadbir Tanah Batu Pahat, Majlis Perbandaran Batu Pahat, Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat Belia dan Sukan Daerah serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang turut bekerjasama menjayakan program ini. Program ini juga telah dihadiri oleh Encik Ahmad Fikri bin Mistar, Pegawai Hutan Daerah Johor Tengah, Kluang dan Tuan Hj. Halim bin Hasbullah, Pegawai Daerah Batu Pahat.

Program karnival ini dimulakan dengan aktiviti penanaman anak pokok dan seterusnya gotong royong membersihkan kawasan hutan lipur.



Semua peserta berbaris untuk menyanyikan lagu Negaraku dan bermulanya acara J-Robik.

## SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR UTARA, SEGAMAT



Kursus Pencegahan dan Pengendalian Jentera Kebakaran Hutan sedang berlangsung



Taklimat dari pegawai BOMBA dan Penyelamat Zon Muar dan aktiviti demonstrasi pemadamkan kebakaran



Encik Ridza bin Awang, Pengarah Perhutanan Negeri Johor memadamkan kebakaran

MUAR, 21 Mac 2016

Hari Hutan Antarabangsa disambut pada 21 Mac setiap tahun dan merupakan simbolik kepada hari pertama bermulanya musim bunga di Hemisfer Utara di mana pokok mula bertunas semula dan menghijau setelah melalui dorman sepanjang musim sejuk. Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Pejabat Hutan Daerah Johor Utara (PHDJU) telah berlangsung pada 20 hingga 21 Mac 2016 di Ayer Hitam, Muar dengan tema sambutan Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat. Bersesuaian dengan tema sambutan, satu kursus Pencegahan dan Pengendalian Jentera Kebakaran Hutan anjuran bersama Yayasan Kemanusiaan Muslim Aid Malaysia telah diadakan dengan penglibatan seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada penduduk kampung di sekitar Mukim Ayer Hitam, Muar dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Tujuan kursus adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada masyarakat setempat dan kakitangan berkaitan kepentingan pencegahan kebakaran hutan peringkat awal dan cara menangani kejadian kebakaran hutan selain melahirkan masyarakat yang prihatin terhadap persekitaran dan alam sekitar. Slot-slot kursus adalah melibatkan perundangan, pembentukan pasukan, pengenalan kepada peralatan pemadam kebakaran, risiko dan cabaran, komunikasi dan strategi pemadam api yang telah disampaikan oleh penceramah-penceramah jemputan iaitu pegawai dari Jabatan Alam Sekitar Daerah Muar, Encik Noor Mohd Emran bin Amir dan dua orang pegawai dari Jabatan BOMBA dan Penyelamat Zon Muar Encik Mazuki bin Ismail dan Encik Jahari bin Bahari. Pada hari terakhir kursus ini, satu demonstrasi kebakaran hutan telah dijalankan di Kompartmen 1, Hutan Simpan Ayer Hitam Utara. Kursus ini telah dirasmikan oleh Encik Mohd Ridza

bin Awang, Pengarah Perhutanan Negeri Johor.

Kemuncak Hari Hutan Antarabangsa dimeriahkan dengan aktiviti penanaman pokok sempena Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Pejabat Hutan Daerah Johor Utara, Segamat, Johor yang disempurnakan oleh Encik Mohd Ridza bin Awang, Pengarah Perhutanan Negeri Johor yang diiringi oleh Encik Ihsan Sabri bin Kamarazaman, Pegawai Hutan Daerah Johor Utara dan Puan Habsah Marjuni, Pengurus Yayasan Kemanusiaan Muslim Aid Malaysia. Sebanyak 500 pokok yang terdiri dari spesis Kelat Merah dan Bintangor ditanam oleh masyarakat setempat juga diberi peluang bersama-sama menanam pokok dalam usaha mewujudkan suasana kehijauan di kawasan Mukim Ayer Hitam, Muar.

Secara keseluruhannya, sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Pejabat Hutan Daerah Johor Utara Tahun 2016 telah berlangsung dengan jayanya dan mencapai objektif dalam melibatkan masyarakat setempat untuk sama-sama menghargai kepentingan hutan dalam kehidupan sejagat.



Aktiviti menanam pokok spesis Kelat Merah (*Syzygium sp*) oleh Encik Ridza bin Awang, Pengarah Perhutanan Negeri Johor



# PROGRAM LAWATAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG (SUK) KE KAWASAN LESEN PENGUSAHASILAN 2016 DAERAH KUANTAN/PEKAN/MARAN

CHINI, 24 Mac 2016

YBhg. Dato' Timbalan SUK, pegawai dan kakitangan Bahagian Sumber Manusia, SUK serta kakitangan Pejabat Hutan Negeri (PHN) dan Pejabat Hutan Daerah Kuantan (PHDK) telah melawat kawasan lesen pengusahahsilan yang berada di bawah pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Kuantan/Pekan/Maran. Program dimulakan dengan taklimat dan penerangan oleh Pegawai Pejabat Hutan Daerah Kuantan/Pekan/Maran di kongsi lesen balak dalam kompartmen 24, Hutan Simpan Chini. Kemudian program diteruskan ke kawasan lesen pengusahahsilan untuk melihat proses kerja pengusahahsilan hutan bermula dari penandaan pokok, penebangan pokok, penarikan kayu balak dan pemindahan kayu ke matau dengan menggunakan lori berwinch (San Tai Wong). Selanjutnya peserta dibawa ke matau utama untuk melihat proses pengumpulan, pengasingan dan penandaan tual balak, pemindahan tual balak ke atas lori balak dan

seterusnya melihat proses terakhir iaitu pengutipan cukai di Balai Pemeriksa Hutan.

Program ini adalah kerjasama antara pihak pejabat SUK Pahang bersama dengan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang yang bertujuan memberi pendedahan kepada pihak luar tentang pembalakan yang melibatkan pelbagai proses teknikal bermula dari penandaan pokok, penebangan pokok, pemindahan kayu balak, kutipan cukai dan sehingga kayu di bawa keluar dari kawasan lesen. Selain itu program ini juga bertujuan untuk memberi penjelasan tentang prosedur dan tanggungjawab kakitangan pakaian seragam Jabatan Perhutanan Negeri Pahang di lapangan. Kerja pembalakan sentiasa mengikut *Standard Operation Procedure (SOP)* untuk menjamin kelestarian dan pemeliharaan sumber hutan yang berkekalan setiap masa.



Taklimat oleh Pegawai Hutan Daerah Kuantan/Pekan/Maran di perkarangan kongsi lesen pengusahahsilan



Peserta program lawatan bergambar bersama YBhg. Dato' Timbalan SUK dan YBhg. Dato' PPN Pahang di kawasan blok lesen



Peserta melihat cara-cara/kaedah memindahkan kayu ke dalam lori San Tai Wong



Peserta mempelajari kaedah mengukur kayu dalam lori untuk mengira cukai



Pemeriksaan kaedah kutipan cukai di Balai pemeriksa Hutan

# PROGRAM PENGHIJAUAN CAMERON HIGHLANDS SIRI 1/2016 DAN SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT DAERAH CAMERON HIGHLANDS

CAMERON HIGHLANDS, 28 Mac 2016

Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat, Pejabat Hutan Daerah Raub/Cameron Highlands dan Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Kepelbagaian Biologi Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah bekerjasama menganjurkan Program Penghijauan Cameron Highlands Siri 1/2016 dan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Daerah Cameron Highlands. Program ini telah diadakan di kawasan telah diteroka di Kompartmen 3, Hutan Simpan Terla A keluasan dianggarkan 0.5 hektar.

Program ini telah disertai oleh 34 orang pelajar bersama 2 orang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Raja dan wakil daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Cameron Highlands. Program ini juga turut disertai oleh Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan II), Tuan Haji Azmer bin Mohamed, Penolong Pengarah Perhutanan (Latihan), Encik Haffiz bin Baharuddin, Pegawai Hutan Daerah Cameron Highlands, Encik Mohd Shukri bin Mohd Alip dan beberapa orang pegawai dari Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia serta kakitangan



Taklimat cara penanaman pokok oleh YM. Tengku Ishamuddin bin Tengku Kasim, Penolong Pegawai Perlindungan dan Pemeliharaan Hutan, Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat

daripada Pejabat Hutan Daerah Raub/Cameron Highlands dan Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat. Sebanyak 1,000 anak pokok telah berjaya ditanam semasa program tersebut daripada spesies Rhu 120 pokok, Gerok 300 pokok, Damar Minyak 580 pokok dan Meranti Bukit 100 pokok.

Kejayaan melaksanakan program ini menunjukkan jabatan sentiasa memberi komitmen yang tinggi terhadap program penanaman semula pokok terutamanya di kawasan bekas Operasi Gading (Ops Gading) bagi memastikan kelestarian alam sekitar di Cameron Highlands dapat dipulihkan semula. Selain itu, Jabatan juga berharap dengan adanya program kerjasama bersama pelajar sekolah ini dapat memberi kesedaran kepada penduduk setempat terutamanya generasi muda dalam menjaga dan memelihara alam sekitar.

Oleh yang demikian, Program Penghijauan Cameron Highlands ini akan sentiasa dilaksanakan dengan melibatkan lebih ramai orang awam bagi memastikan objektif Jabatan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat umum terhadap pemeliharaan alam sekitar tercapai.



Sesi bergambar peserta Program Penghijauan Cameron Highlands



Sebahagian daripada peserta yang terlibat di dalam aktiviti penanaman pokok.

# PEMANTAUAN PETAK HUTAN MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN YANG TINGGI (HCVF) DI NEGERI SELANGOR

RAWANG, 31 Mac 2016



Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan telah menjalankan pemantauan di lapangan bagi Petak Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVF) di Negeri Selangor yang terdiri daripada Pn. Noor Azrien binti Zainon, Penolong Pengarah Kepelbagaian Biologi Hutan (In-situ), Pn. Siti Nurulhuda binti Ahmad Tarmidzi, Penolong Pegawai Kepelbagaian Biologi Hutan (*Arboretum*) dan Encik Syamsul Azmi bin Sulaiman, Pengawas Hutan (Hutan Paya Laut), Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan. Program pemantauan petak ini adalah bagi mengemaskini maklumat HCVF yang telah ditubuhkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Pemantauan di lapangan diadakan pada 31 Mac 2016 di Kompartmen 1 dan 2 serta Kompartmen 14, Hutan Simpan Kanching turut dihadiri oleh Penolong

Pegawai Hutan Daerah (Kanan) Hulu Selangor, Rawang iaitu Encik Solehan bin Saorani bersama pasukan daripada JPN Selangor. Lawatan ini juga turut disertai Pelajar Praktikal, Cik Nurul Asyikin binti Salehuddin daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Sebelum itu, pasukan pemantauan ini telah mengadakan pertemuan bersama Encik Solehan bin Saorani di Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor, Rawang, JPN Selangor.

Lawatan pemantauan ini diadakan adalah untuk mendapatkan gambaran sebenar ciri fizikal pokok Merawan kanching (*Hopea subalata*) yang telah dikategorikan di bawah *Critically Endangered* (CR) dan merupakan spesies endemik di Negeri Selangor. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan Petak HCVF bagi spesies ini tujuan utama penubuhan petak



Pokok Merawan kanching (*Hopea subalata*) yang mempunyai akar jangkang



Silara pokok Merawan kanching (*Hopea subalata*)

HCVF adalah untuk memelihara kawasan hutan yang mempunyai nilai pemeliharaan tinggi selaras dengan ketetapan *Standard Malaysian Criteria and Indicator for Forest Management Certification (Natural Forest)*. Penubuhan HCVF ini dikelaskan di bawah HCVF I iaitu kawasan hutan yang mempunyai nilai biodiversiti yang penting di peringkat global, serantau dan kebangsaan. Terdapat 2 pokok yang telah mencapai diameter 30cm di kawasan ini yang boleh dijadikan pokok ibu dan purata taburan pokok di kawasan ini yang mempunyai diameter pokok melebihi 5cm adalah 32.

Antara ciri-ciri fizikal pada spesies ini adalah merupakan pokok yang mampu mencapai ketinggian maksimum 20m dengan diameter maksimum 30 cm. Spesies ini mempunyai bentuk batang yang kecil dan jarang besar serta berjangkang. Warna kulit dalam dan sapwood adalah krim kekuningan dan tidak berdamar. Merawan kanching berbeza dengan spesies Merawan yang lain kerana ia mempunyai akar tergantung yang kecil. Urat daun kedua (secondary vein) hampir sama dengan pokok kapur tetapi *intermediate nerve* agak kurang dan jarang serta lebih pendek atau dipanggil urat sesat.



Anak pokok Merawan kanching (*Hopea subalata*)

# KURSUS LATIHAN PENGENDALLAN, PENGGUNAAN DAN PENYELENGGARAAN SENJATA API



Sesi bergambar peserta kursus menembak

**BATU PAHAT, 5 April 2016**

Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menganjurkan Kursus Latihan Pengendalian, Penggunaan dan Penyelenggaraan Senjata Api untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor tahun 2016 kepada seramai 31 orang. Kursus ini telah diadakan di Lapang Sasar Persatuan Menembak Johor, Batu Pahat, Johor Darul Takzim. Objektif kursus ini adalah bertujuan memberikan pendedahan pengendalian, penyelenggaraan dan penggunaan sebelum dan selepas menembak secara teori dan praktikal kepada bakal pemegang lesen dan

pemegang lesen senjata api *Carry and Use* (C&U) yang sedia ada. Kursus ini telah dirasmikan oleh Encik Mohd Ridza bin Awang, Pengarah Perhutanan Negeri Johor yang merupakan pemegang Lesen Memiliki Senjata Api dan Peluru Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Senjata api yang digunakan dalam kursus ini adalah milik jabatan sendiri iaitu tiga (3) pucuk pistol jenis *Akdal* dan sepuluh (10) laras *Short-gun* jenis *Marverik*. Sebanyak 700 butir peluru 9mm dan 300 butir peluru 12 bore digunakan di dalam kursus ini.



Jurulatih dari Persatuan Menembak Johor sedang memberi taklimat pengendalian senjata api



Peserta kursus sedang mendengar taklimat yang disampaikan jurulatih



Peserta kursus sedang menjalani latihan menembak

# LAWATAN KE KAWASAN PENEMUAN POKOK RESAK ABDULRAHMAN (*Vatica abdulrahmaniana*) SEMPENA MESYUARAT KUMPULAN PAKAR FLORA TAHUN 2016



Ahli-ahli Mesyuarat Kumpulan Pakar Flora Bil. 1/2016 yang turut hadir dalam lawatan ke kawasan penemuan pokok Resak Abdulrahman (*Vatica abdulrahmaniana*) di Kompartmen 127, Bukit Kledang, Hutan Simpan Kledang Saiong



YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan) mempengerusikan Mesyuarat Kumpulan Pakar Flora Bil. 1/2016

IPOH, 6 April 2016

Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah mengadakan satu program lawatan ke kawasan penemuan pokok Resak Abdulrahman (*Vatica abdulrahmaniana*) yang diadakan sempena Mesyuarat Kumpulan Pakar Flora Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPF JPSM) Bil. 1 Tahun 2016. Objektif program ini bertujuan untuk memperkenalkan kepada ahli-ahli di dalam Kumpulan Pakar Flora terhadap spesies Resak Abdulrahman (*Vatica abdulrahmaniana*) yang telah dinamakan bersempena dengan nama Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim. Hal ini berikutan penemuan pokok tersebut oleh Penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan telah dilaporkan di dalam jurnal *Phytotaxa* 222(3):229-237: Two new species of *Vatica* (Dipterocarpaceae) From Peninsular Malaysia. Antara aktiviti semasa lawatan ialah taklimat oleh Encik Mohd Noor Firdaus bin Rahim, Pegawai Hutan Daerah Kinta/Manjung mengenai pemeliharaan Pokok Resak Abdulrahman (*Vatica abdulrahmaniana*). Spesies tersebut mempunyai ketinggian sehingga 20 meter dan merupakan spesies endemik di Semenanjung Malaysia dan hanya ditemui di Kompartmen 127, Bukit Kledang, Hutan Simpan Kledang Saiong.

YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan) juga turut sama dalam lawatan tersebut dan mempengerusi Mesyuarat Kumpulan Pakar Flora Jabatan Perhutanan Semenanjung

Malaysia (KPF JPSM) Bil. 1 Tahun 2016. Mesyuarat KPF, JPSM telah diadakan di Bilik Gerakan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak. KPF, JPSM ditubuhkan bertujuan untuk meningkat dan memperkasakan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaiannya biologi hutan dan ahli KPF, JPSM yang dilantik adalah terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan JPSM yang mempunyai Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di dalam bidang perhutanan serta mempunyai kemahiran serta berminat dalam bidang flora.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan tiga (3) matlamat iaitu Penyediaan draf Panduan Pengenalan dan Pengecaman Spesies Flora, draf Standard Operating Procedure (SOP) Pengurusan dan Pengumpulan Herbarium dan draf Garis Panduan Penamaan Pokok Dalam Kawasan Taman Eko Rimba di Semenanjung Malaysia yang telah dipersetujui semasa Mesyuarat KPF JPSM Bil. 3/2015 yang diadakan di Bilik Mesyuarat Kesidang, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka pada 10 Disember 2015.



Resak Abdulrahman (*Vatica abdulrahmaniana*)

# KURSUS PENGURUSAN ASET DAN STOR JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

GELANG PATAH, 10 April 2016

Program Kursus Pengurusan Aset dan Stor Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah diadakan selama dua (2) hari bermula 10 hingga 11 April 2016 bertempat di Bilik Latihan JKR, Cawangan Pengurusan Aset Negeri, Gelang Patah, Johor. Kursus ini telah dihadiri seramai 35 peserta terdiri daripada Pengawas Hutan dan Pembantu Awam dan juga kerani yang terlibat secara langsung dalam pengurusan stor dan aset jabatan. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk:

- i. Memberi peluang kepada kakitangan jabatan untuk memantapkan lagi pengetahuan dalam melaksanakan kerja-kerja pengurusan aset dan stor.
- ii. Mempelajari dan memahami setiap maklumat yang tepat dalam pengurusan aset dan stor.
- iii. Memberi mendedahan dalam mengelaskan aset tersebut dalam kategori aset model atau aset lopus.



Para peserta sedang mendengar taklimat mengenai pengurusan aset dan stor



Penyampaian cenderahati oleh Encik Md Nurrahiem bin Mohd Ali kepada penceramah



Taklimat disampaikan oleh Encik Sabtu bin Basar dari Unit Pengurusan Aset Negeri Johor

# KURSUS DAN PENILAIAN DENDROLOGI BAGI PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G27 JPSM



Sesi Pembelajaran yang disampaikan oleh Encik Anuar bin Wok, Penolong Pensyarah FORTRAIN



Ujian pengecaman sedang dijalankan

## KUALA BERANG, 18 April 2016

Bahagian Latihan Perhutanan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menganjurkan Kursus dan Penilaian Dendrologi bagi Penolong Pemelihara Hutan Gred G27 pada 18 hingga 21 April 2016 bertempat di Pusat Latihan Perhutanan Terengganu, Kuala Berang, Terengganu. Kursus ini dilaksanakan selaras dengan saranan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk melatih di samping membuat penilaian berterusan bagi meningkatkan kemahiran kakitangan perhutanan dalam pengecaman pokok di lapangan. Kaedah kursus ini dijalankan dengan membuat penilaian sebelum dan selepas kursus bagi menilai kemampuan setiap peserta. Berdasarkan analisa penilaian yang dilakukan ternyata kaedah ini menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding kaedah kursus tanpa ujian. Kursus seumpama ini telah dirancang melibatkan setiap gred dalam skim perhutanan bermula dari Gred G27 sehingga JUSA melalui modul yang ditetapkan.



Semua peserta kursus bergambar bersama penceramah



Peserta sedang menjalani ujian penilaian pokok

# PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA SAMBUTAN HARI JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) KE-70 PERINGKAT NEGERI SELANGOR



Sesi bergambar peserta program

## BESTARI JAYA, 22 April 2016

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Selangor telah menganjurkan program penanaman pokok sempena Majlis Sambutan Hari JPJ Malaysia Ke-70 Peringkat Negeri Selangor dan Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2016 bertempat di Kompartmen 100 (Parit 6), Hutan Simpan Raja Musa, Bestari Jaya.

Ucapan alu-aluan program ini telah disampaikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, YBrs. Dr. Mohd Puat bin Dahalan. Turut menyampaikan ucapan adalah YBrs. Encik Nazli bin Md. Taib iaitu Pengarah Pengangkutan Jalan Negeri Selangor. Program ini juga turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Operasi), Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, YBhg. Dato' Yusoff bin Ayob.

Sebanyak 600 anak pokok yang terdiri daripada spesies Ramin melawis (*Gonystylus bancanus*) dan Tenggek burung (*Eoudia redleyi*) telah berjaya ditanam oleh para peserta yang terdiri daripada kakitangan JPNS dan JPJ Negeri Selangor.

Objektif program ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara JPNS dan JPJ Negeri Selangor disamping dapat

meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan melahirkan masyarakat yang menghargai serta mencintai alam sekitar. Semoga jalinan kerjasama dan semangat ukhwah ini akan berterusan di masa akan datang.



Ucapan Alu-Aluan oleh YBrs. Dr. Mohd Puat bin Dahalan, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor

# KURSUS MENYELAMAT DAN PERTOLONGAN CEMAS UNTUK ANGGOTA PASUKAN PENYELAMAT PERHUTANAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN



Peserta kursus dan Anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia mengambil gambar kenangan.



Latihan yang dikendalikan dengan rapi oleh anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia



Teknik memadam kebakaran



LABU, 25 April 2016

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah menganjurkan Kursus Menyelamat dan Pertolongan Cemas bagi Anggota Pasukan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan bertempat di Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Sembilan bermula pada 25 hingga 28 April 2016. Kursus ini diadakan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran di dalam keadaan kecemasan untuk Anggota "Search and Rescue"(SAR) dari Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Perkara yang dititikberatkan di dalam kursus ini ialah mengenai teknik menyelamat dan juga teknik tindakan awal seperti ikatan, cara membuat balutan pada kecederaan dan juga membawa mangsa keluar dari kawasan berbahaya.



Peserta kursus diberikan taklimat oleh Pegawai Jabatan Pertahanan Awam Malaysia



# KENALKAH ANDA POKOK BIDARA

*Nasi Lemak buah bidara  
Sayang selasih hamba turutkan  
Hilang emak hilang saudara  
Kerana kasih hamba turutkan*



Buah Bidara yang seakan buah Epal hijau

## PENGELASAN SAINTIFIK

ALAM: Tumbuhan  
DIVISI: Magnoliophyta

KELAS: Magnoliopsida

ORDER: Rosales

FAMILI: Rhamnaceae

GENUS: *Ziziphus*

SPESIS: *Z. Mauritiana*

## NAMA BINOMIAL

*Ziziphus Mauritiana*



Bentuk daun pokok bidara



Pokok bidara



**S**ecara lazimnya kita kebiasaannya mendengar Buah Bidara melalui pantun dan nama sejenis kuih Tradisional akan tetapi kenalkah kita pokok Bidara ini. Pokok Bidara merupakan pokok yang tumbuh di selatan Asia. Pokok Bidara atau nama saintifiknya *Ziziphus mauritiana* merupakan sejenis pokok renek malar hijau atau pokok kecil berduri, dengan ketinggian sehingga 15 meter, dengan diameter batang 40cm atau lebih; rimbunan daunnya merebak; duri stipular dan banyak dahan yang rendang. Buahnya memiliki pelbagai bentuk dan saiz yang berbeza-beza. Ia mungkin berbentuk bujur, obovate, lonjong atau bulat, dan ada yang boleh mencecah sehingga 1-2.5 inci (2.5-6.25 cm) panjang, bergantung kepada jenis. Isinya putih, rangup dan enak dimakan. Apabila mengkal sedikit, buahnya adalah berair dan mempunyai bau yang menyenangkan. Kulit buah Bidara adalah licin, berwarna hijau, berkilat, nipis tetapi padat.

Pokok Bidara paling biasa ditemui di kawasan tropika dan sub-tropika. Ia berasal dari Afrika ia kini tersebar secara meluas di rantau tropika. Pokok yang cepat tumbuh ini mula menghasilkan buah-buahan dalam tempoh tiga tahun. Buahnya adalah lembut, berair, buah berbiji sekitar 2.5 cm diameter dengan penanaman canggih buah mampu mencapai saiz 6.25 cm panjang dan 4.5 cm lebar. Buah yang matang sepenuhnya bewarna merah, lembut, berair dengan kulit berkedut dan mempunyai aroma yang menyenangkan. Buah yang masak rasanya adalah manis dan masam.

# OP GANGGA – ESKAVASI PESAWAT DAKOTA DOUGLAS C-47B-1-DL MILIK UNITED STATES ARMY AIR FORCE (USAAF) DI HUTAN SIMPAN KEKAL BERUAS

Tahun 2015 melakar sejarah Jabatan Perhutanan Negeri Perak bersama-sama dengan Kerajaan Malaysia yang diketuai oleh Kementerian Pertahanan Malaysia untuk menjayakan satu operasi Eskavasi Pesawat Dakota Douglas C-47B-1-DL milik United States Army Air Force (USAAF) di Hutan Simpan Kekal Beruas atau dikenali sebagai OP GANGGA.

OP GANGGA mendapat namanya sempena lokasinya di Pekan Beruas. Beruas adalah merupakan tapak Kerajaan Melayu lama pada abad Ke-2 masih lagi yang dikenali sebagai GANGGA NEGARA. Menurut kajian yang dijalankan oleh Tuan Haji Abdul Hamid Zamburi, berdasarkan buku Geographike Huphegesis yang ditulis oleh Ptolemy sekitar 150M ada menyebut tentang sebuah tempat bernama *Coconagara* yang terletak di *Area Cheronesvs* (Golden Khersonese/Semenanjung Emas; iaitu merujuk kepada Tanah Melayu). Secara fanetiknya, sebutan Coconagara seakan-akan menyamai sebutan Gangga Negara. Seterusnya Gangga Negara digantikan oleh sebuah kerajaan Melayu-Islam yang dikenali sebagai Kerajaan Beruas. Kawasan ini dikenali sebagai Beruas bersempena dengan terdapatnya Pokok Beruas yang banyak tumbuh di persekitarannya.

Pada 27 November 1945 bersamaan hari Selasa, pesawat Dakota C-47B ini yang dipandu oleh Judson B.Baskett (T-64445) bersama Pembantu Juruterbang William H.Myres (O-796183) dan Juru Semboyan Donald E.Jones (37484709) telah berlepas dari Singapura menuju ke Lapangan Terbang Butterworth untuk misi penghantaran bekalan makanan. Pada ketika itu, keadaan cuaca yang hujan di beberapa lokasi dan mempunyai bacaan flight visibility/jarak penglihatan di dalam lingkungan di antara 50 kilometer visual. Lokasi terakhir Pesawat ini dapat dikesan ketika di ruang udara Melaka sebelum terputus hubungan pada hari yang sama. Operasi mencari telah dilancarkan oleh Pesawat USAAF dengan dibantu beberapa pesawat dari Royal Air Force (RAF) namun tiada sebarang penemuan yang dilaporkan. Pada 16 Disember 1945, Operasi mencari ini dihentikan dan semua kru ini diklasifikasikan sebagai Missing In Action (MIA) / hilang ketika bertugas. Justeru itu, pada 28 November 1946, kesemua kru Pesawat Dakota C-47B ini telah disenaraikan sebagai terbunuh ketika bertugas “Kill in Action” (KIA) dan kesemua nama-

nama kru pesawat ini disemadikan serta dipahat di Manila America Cemetery.

Kesemua Kru Pesawat Dakota C-47B No daftar 43-16261 ini berasal dari 1305<sup>th</sup> Army Air Force Base Unit yang berpengkalan di Calcuta, India. Pesawat ini diletakkan di bawah penugasan Air Transport Command (ATC) dengan ringkasan butiran pesawat seperti berikut:

- a. Nama Pesawat : Douglas C-47B-1-DL Skytrain (Dakota C-47B)
- b. No Siri Enjin : Pratt & Whitney R-1830-90C (1) CP-139632 (2) P-133226
- c. Panjang Sayap : 28.956 meter
- d. Panjang Pesawat: 19.20 meter
- e. Tinggi Pesawat : 5.18 meter
- f. Kelajuan Maksimum: 230 mph (370.15 km/j)
- g. Aras Ketinggian : 24,000 kaki (7315.2 meter)
- h. Jarak Pesawat : 16,000 batu
- i. Kru Pesawat : Juruterbang – Judson B.Baskett (T-64445)  
Pembantu Juruterbang - William H.Myers (O-796183)  
Jururadio/Juru semboyan - Donald E.Jones (37484709)

Penemuan rangka pesawat ini mula dilaporkan pada Julai 1966 apabila dikesan dari udara dengan nombor siri di bahagian ekor pesawat yang jelas kelihatan “316261” serta lambang Air Transport Command di badan bahagian ekor pesawat. Di samping itu, Jurucakap Pentagon juga mengesahkan menerima permintaan ibu Kru Pesawat Dakota C-47B ini iaitu ibu kepada Pembantu Juruterbang William H.Myers, Mrs Edith R.Myers supaya menjalankan pencarian nahas pesawat dengan mengambil kira lokasi nahas yang telah ditemui pada ketika itu, namun tiada tindakan susulan yang dilaporkan berkaitan dengan usaha pencarian kru nahas pesawat.

Cadangan Projek Eskavasi Pesawat mula dikemukakan oleh Pihak Defence Prisoner of War/Missing In Action Accounting Agency DPAA Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat berpengkalan di Hawaii, Amerika Syarikat. Seterusnya pada 26 Februari 2015, Jawatankuasa Kerja Eskavasi Pesawat USAAF MACR yang diterajui oleh Bahagian Dasar Kementerian Pertahanan melantik Muzium Tentera Darat sebagai peneraju Pihak Berkusa kepada Projek OP GANGGA ini. Projek eskavasi ini turut disertai oleh Pakar DPAA dari Amerika Syarikat serta agensi-agensi berkaitan di Malaysia.

Misi Eskavasi ini telah dijalankan pada 24 Ogos 2015 dengan membawa satu misi yang telah diamanat kepada Kerajaan Malaysia agar menggali dan membawa keluar rangka ketiga-tiga anggota tentera Amerika Syarikat yang terkorban di Hutan Simpan Bubu. Penglibatan awal Jabatan Perhutanan Negeri Perak di dalam tinjauan awal bagi mengesahkan artifak yang berusia hampir 70 tahun ini masih lagi berada di dalam Hutan Simpan Kekal Bubu telah dilaksanakan pada akhir Februari 2015 yang lalu. Seterusnya tinjauan ini turut disusuli oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia bagi meninjau kawasan naas serta perancangan kerja-kerja eskavasi yang akan dilaksanakan bagi mengesan, menggali ketigatiga mangsa naas pesawat ini. Bagi tujuan OP GANGGA ini, Kementerian Pertahanan Malaysia telah melantik kumpulan pakar Disaster Victim Identification (DVI), Bahagian Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia, dan Institut Perubatan Forensik Negara (IPFN) untuk terlibat dalam aspek carigali dan pengesahan identiti rangka manusia secara saintifik. Penglibatan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Universiti Sains Malaysia dan wakil Institut Alam Persekutaran Pantai Timur turut terlibat dalam usaha memberi khidmat nasihat dan perkhidmatan profesional dalam kerja-kerja eskavasi serta cari gali di tapak projek eskavasi ini.

Di peringkat Jabatan Perhutanan adalah menjadi satu medan ilmu yang berguna kepada kakitangan dalam menelaah dan meneroka ilmu penyelidikan serta pencarian khazanah atau warisan tinggalan sejarah. Pada Oktober 2015, Misi Eskavasi ini memberi kejayaan kepada para-para arkeologi apabila terjumpanya sebentuk gigi palsu milik salah seorang Kru Pesawat Dakota C-47B ini serta penemuan dua utas jam tangan milik kru pesawat ini. Hasil siasatan yang telah dijalankan mendapati gigi palsu itu adalah kepunyaan milik Juruterbang Pesawat Dakota C-47B Judson B. Baskett manakala dua utas jam tersebut dipercayai milik Myers dan Jones.

Pada 5 November 2015 telah berlangsungnya Majlis Istiadat Penyerahan Rangka Manusia Kru Pesawat Dakota C-47B di Pengkalan Udara Subang, Malaysia.

gugur ketika bertugas. Di samping itu juga Majlis Serah Terima Rangka Manusia Kru Pesawat yang terlibat di dalam naas tersebut antara Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia dan Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat dengan berakhirnya misi ini bagi merungkai misteri kehilangan Pesawat Dakota C-47B yang selama 70 tahun ini. Disamping itu, misi ini juga dapat memberi jawapan kepada keluarga mangsa kepada mesteri kehilangan Dakota yang hilang ketika dalam perjalanan dari Singapura ke Butterworth pada 27 November 1945.

## Kronologi

### Pencarian Pesawat Dakota C-47B yang terhempas di Hutan Simpan Kekal Bubu pada tahun 1945

#### 27 November 1945

Pesawat melakukan penerbangan dari Singapura menuju Lapangan Terbang Butterworth dan hanya dapat dikesan ketika berada di ruang udara Negeri Melaka sebelum terputus hubungan.

Operasi mengesan pesawat dijalankan oleh Pesawat USAAF dengan dibantu beberapa pesawat lain dari RAF. Bagaimanapun tiada sebarang penemuan dilaporkan.

#### 16 Disember 1945

Operasi dihentikan dan semua kru diklasifikasikan sebagai hilang ketika bertugas.

#### 28 November 1945

Kru disenaraikan sebagai terbunu ketika bertugas “Killing In Action”

#### Julai 1966

Penemuan rangka pesawat dilaporkan pada Julai 1966 apabila dikesan dari udara dengan nombor siri di bahagian ekor pesawat yang jelas kelihatan ‘316261’ dan lambang Air Transport Command.

Jurucakap Pentagon mengesahkan menerima permintaan Ibu Myers supaya pencarian dilakukan, namun tiada tindakan susulan.

#### 1997

Ketua Penyelidik memaklumkan mengenai tiga pesawat Amerika Syarikat terhempas di Malaysia iaitu Pesawat B29, Superfortress di Negeri Sembilan dan dua pesawat Dakota di Perak.

#### 2009

Penduduk tempatan menemui pesawat itu dan diikuti penemuan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan Syarikat Pembalakan sebelum dimaklumkan kepada kedutaan AS di Malaysia yang membawa kepada usaha untuk mencari diteruskan.

#### 2015

OP GANGGA bermula pada 27 Julai 2015 dan selesai pada bulan November 2015.

Ciri-ciri iklim di Malaysia ialah mempunyai suhu yang seragam, kelembapan yang tinggi, hujan yang banyak. Malaysia yang terletak di kawasan doldrum khatulistiwa amat jarang sekali mempunyai keadaan langit yang tidak berawan langsung meskipun pada musim kemarau teruk. Malaysia pada ketika ini sedang menghadapi gelombang haba berikutan daripada musim panas melampau yang disebabkan oleh kejadian Equinok dan fenomena El Nino yang kuat serta berpotensi menyebabkan strok haba yang boleh mengundang maut.

Equinok adalah suatu kejadian astronomi di mana kedudukan matahari berada tepat di atas garisan khatulistiwa dan ianya berlaku dua kali setiap tahun iaitu pada 20 atau 21 Mac, dan 22 atau 23 September. Pada tahun ini Equinok diramal berlaku pada 20 Mac dan 22 September. Sewaktu kejadian ini berlaku ianya akan menyebabkan cuaca lebih panas berbanding kebiasaannya.

El Nino pula merupakan keragaman iklim (*climate variability*) yang berlaku secara tidak tetap dalam tempoh 2 hingga 7 tahun. Fenomena ini adalah berkaitan dengan peningkatan suhu air laut yang membekalkan haba dan lembapan tambahan kepada


## EQUINOK, EL NINO DAN 9 TIPS DALAM MENGHADAPI MUSIM PANAS

atmosfera yang berada di atasnya. Di bahagian barat Pasifik termasuk Malaysia, tekanan atmosfera meningkat menyebabkan cuaca menjadi lebih kering secara relatifnya.

Berhubung dengan kejadian ini, Hutan lipur sering kali menjadi salah satu destinasi pilihan dimusim panas ini untuk orang ramai menyejukkan diri dengan bersantai serta aktiviti mandi manda di sungai dan sebagainya. Walau bagaimanapun orang ramai dinasihatkan supaya mengurangkan aktiviti luar yang sentiasa terdedah secara terus kepada cahaya matahari semasa keadaan cuaca panas berlaku dan sentiasa mengikuti perkembangan terkini yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

Berikut terdapat beberapa tip dalam menghadapi situasi dimusim panas ini:

### TIPS KEKAL SIHAT DI MUSIM PANAS



- |  |   |   |
|--|---|---|
| Banyakkan minum air kosong tanpa mengira tahap aktiviti fizikal yang anda lakukan        | Gunakan kipas/ penghawa dingin untuk menyejukkan badan  | Luangkan lebih masa untuk berada di dalam rumah dan menghadkan segala aktiviti di luar rumah. |
| Pakai losyen pelindung suria (sebaik-baiknya SPF 30 dan ke atas) untuk melindungi kulit. | Kurangkan meminum minuman berkafien, alcohol dan bergula.   | Memakai pakaian yang ringan, berwarna terang, longgar, dan tidak terlalu tebal.               |
| Jangan duduk di dalam kenderaan yang bertutup tanpa menghidupkan penghawa dingin.        | Memakai topi atau menggunakan payung untuk melindungi daripada pancaran haba secara terus ke badan. | Minum minuman isotonic untuk menggantikan garam yang hilang akibat berpeluh.                  |
|  |   |   |
|  |   |   |

# ONTOLOGI BOTANI DALAM AL-QURAN

Bismillah hirrahman nirrahim

Assalamualaikum w.b.t.

Manusia amat bergantung kepada tumbuhan dalam kehidupan sehari-hari bagi mendapatkan makanan, pakaian dan tempat perlindungan. Kebergantungan manusia kepada tumbuhan juga boleh dilihat daripada segi produk yang dihasilkan seperti fiber, selulosa, kayu, ubatan, minuman, minyak, lemak, susu, rempah ratus, tanin, pewarna, gam dan sebagainya. Semenjak zaman purbakala lagi kajian berkaitan tumbuhan telah dilakukan bagi memenuhi keperluan dan kehendak manusia. Justeru itu, kita dapat tumbuhan ada diuraikan dalam al-Quran untuk dijadikan sebagai petunjuk dan panduan kepada manusia.

Secara umumnya, bidang ilmu berkaitan tumbuhan dikenali sebagai botani dan merupakan satu cabang ilmu sains dalam biologi. Manakala ontologi pula ialah satu kajian falsafah (apa yang dilihat) yang paling kuno dan berasal dari Yunani. Kajian ontologi membahas kewujudan sesuatu yang bersifat konkret. Hakikat kenyataan atau realiti boleh diterangkan melalui pendekatan ontologi dengan dua cara.

- 1. Kuantitatif, iaitu dengan mempersoalkan apakah kenyataan itu tunggal atau jamak?**
- 2. Kualitatif, iaitu dengan mempersoalkan apakah kenyataan (realiti) tersebut memiliki kualiti tertentu, seperti misalnya daun yang memiliki warna kehijauan atau bunga mawar yang berbau harum?**

Ilmu sains botani yang diuraikan dalam Al-Quran boleh dibahagikan kepada 13 kategori ontologi botani seperti di bawah.

- 
1. Timun
  2. Kurma
  3. Ara
  4. Bawang Putih
  5. Halia
  6. Anggur
  7. Herba
  8. Dedaunan
  9. Kacang Merah
  10. Zaitun
  11. Bawang
  12. Delima
  13. Pokok

bersambung....